

16/08/2000

`Malaysia prihatin derita mangsa perang'

Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Selasa - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menegaskan bahawa bantuan Malaysia untuk mangsa perang hanya atas dasar perikemanusiaan dan bukannya bertujuan membabitkan diri secara langsung dalam konflik di negara berkenaan.

Beliau berkata, kerajaan sentiasa peka dengan penderitaan mangsa perang dan bantuan kemanusiaan yang dihulurkan hanya bertujuan meringankan beban golongan itu.

Syed Hamid menegaskan demikian selepas majlis penyampaian dua sumbangan, masing-masing berjumlah RM380,000 untuk membantu pelarian Chechnya dan Kosovo kepada Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) di sini, hari ini. Sumbangan itu diterima oleh Wakil Wilayah Asia UNHCR, Rene Van Rooyen.

Beliau berkata Malaysia mengiktiraf kedaulatan Republik Russia dan menerima hakikat bahawa Chechnya adalah salah satu wilayahnya, tetapi hanya menekankan bahawa proses damai perlu dibuat secara aman tanpa menggunakan kekuatan tentera.

Mengenai sumbangan itu, beliau berkata, ia adalah tambahan kepada sumbangan menerusi tabung Barisan Bertindak Kosovo (BBK) yang ditutup dengan rasminya pada 31 Disember lalu dengan kutipan lebih RM4.6 juta.

"Sebahagian besar sumbangan terbabit dimanfaatkan untuk meringankan beban mangsa perang serta menyediakan bantuan asas seperti makanan dan ubat-ubatan," katanya.

Syed Hamid berkata sumbangan tabung BBK pula antara lain digunakan untuk membiayai pembinaan Hospital Universiti Pristina (RM570,000); membantu Fakulti Kejuruteraan Universiti Pristina (RM570,000); membina semula Masjid Xhamia Bayret (RM1.14 juta) dan untuk Program Makanan Sedunia (RM380,000) di Kosovo.

Sementara itu, Van Rooyen berkata sikap dermawan Malaysia amat dihargai kerana sumbangan yang diberi adalah bantuan penting bagi meringankan beban pelarian di Kosovo dan Chechnya.

Katanya, krisis di Kosovo adalah yang terburuk dalam tempoh 50 tahun dan keperluan bantuan asas semakin meningkat kerana lebih 850,000 pelarian yang berhijrah ke Albania, Macedonia dan Montenegro kini mula kembali ke Kosovo.

Tambah beliau, di Chechnya kira-kira 250,000 pelarian menghadapi kekurangan bantuan asas seperti tempat tinggal, makanan dan perubatan selain dihantui masalah pencabulan hak asasi manusia.

Justeru itu, Van Rooyen mencadangkan supaya sumbangan kepada pelarian Chechnya dimanfaat bagi mengukuhkan kedudukan sebuah pertubuhan bukan kerajaan di Chechnya iaitu Majlis Bagi Mempertahankan Hak Asasi dan Kebebasan (CDHRF).

Katanya, CDHRF memperjuangkan hak semua pelarian tanpa mengira kaum etnik, bangsa atau agama sesiapa bagi memastikan mereka tidak ditindas.

Mengenai lawatan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, Syed Hamid berkata tiada agenda perbincangan ditetapkan antara Lee dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)